

19 NOV 2002
Taib-SPDP/I
SPDP DITERIMA MASUK KE DALAM BN NEGERI HARI INI

KUCHING, 19 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Negeri hari ini secara sebulat suara menerima masuk Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) ke dalam gabungan itu tanpa sebarang syarat, kata Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Beliau memberitahu media bahawa tiga parti komponen BN itu tiada masalah menerima masuk SPDP yang telah mengemukakan permohonan rasmi untuk menyertai BN pada 13 Nov.

"Saya akan kemukakan surat sokongan saya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan pengerusi BN kebangsaan yang mencerminkan hasrat parti-parti komponen BN negeri menerima SPDP," kata Abdul Taib yang juga adalah pengerusi BN negeri selepas mempengerusikan mesyuarat BN yang berlangsung kira-kira 40 minit.

Yang turut hadir ialah Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Datuk Seri Abang Johari Tun Openg, Naib Presiden Kanan Datuk Seri Adenan Satem dan Setiausaha Agung parti itu Datuk Ambrose Blikau.

Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) diwakili Setiausaha Agung Datuk Sim Kheng Hui dan Naib Presiden Datuk Wong Soon Koh manakala Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) oleh Presidennya Datuk Leo Moggie, Timbalan Presiden Datuk Daniel Tajem dan Setiausaha Agung Stanley Ajang.

Abdul Taib yakin SPDP akan dapat bekerjasama dengan baik dengan ketiga-tiga parti komponen BN negeri.

Mengenai nasihat kepada bekas presiden Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) yang dibatalkan pendaftarannya, Datuk Amar James Wong, beliau berkata Wong lebih tua daripadanya dan dengan itu tidak manis untuk beliau memberikan nasihat kepada orang yang lebih tua dan menurutnya Wong berpengalaman luas dalam politik.

Ditanya mengenai kedudukan Richard Wong yang merupakan anggota Dewan Undangan Negeri bagi Limbang, beliau berkata: "Oleh kerana dia dipilih atas tiket BN, saya bertanggungjawab untuk menasihatkannya agar menyertai SPDP. Kita tidak mahu ada masalah dalam BN. Saya serahkan kepada Richard untuk membuat keputusan dan memikirkan perkara itu dengan serius."

Abdul Taib berkata parti-parti komponen BN negeri sentiasa bekerjasama dengan baik dan tidak perlu mengubah caranya dalam melaksanakan sesuatu perkara.

"Kita tidak mahu membuka pintu untuk membolehkan orang lari dari satu pintu ke pintu lain. Dan setakat ini semuanya berjalan dengan aman," katanya dan menurutnya ia merupakan cara terbaik untuk mengekalkan kepercayaan anggota komponen BN yang lain.

Ditanya apakah pengajaran yang didapati oleh BN negeri dengan pembatalan pendaftaran SNAP oleh Pendaftar Pertubuhan pada 5 Nov, Abdul Taib berkata pengajarannya ialah dalam BN adalah penting untuk bekerjasama bagi memberikan khidmat terbaik kepada rakyat.

Ditanya bilakah SPDP akan dimaklumkan mengenai berita baik itu, beliau berkata mereka akan mengetahuinya melalui akhbar esok.

Dan sebagai nasihat kepada bekas anggota SNAP, beliau berkata pemimpin-pemimpin SPDP akan melakukan yang terbaik untuk menyakinkan mereka supaya menyertai parti itu.

Ditanya sekiranya calon bebas dan anggota Dewan Undangan Negeri bagi Meluan Wong Judat mahu menyertai SPDP, Abdul Taib berkata perkara itu masih di peringkat teori dan berkata: "Kenapa saya perlu jawab sedangkan dia tidak minta dan memohon?"

-- BERNAMA
FLL MT RHM